

~~253~~  
~~21/79~~

UCAPAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN,  
DATUK HUSSEIN ONN, DI PENDUKAAN PAMIRAN  
PERLINDUNGAN PENGGUNA ANJURAN PERSATUAN  
PENGGUNA SELANGOR DI STADIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR PADA HARI SABTU, 1NO  
DISEMBER, 1973 JAM 5.00 PETANG.

Yang Dipertua Persatuan Pengguna-Pengguna  
Selangor dan Ahli Jawatankuasa Pamiran,

Pengerusi, Gabungan Persatuan-Persatuan  
Pengguna Malaysia (FOMCA),

Tuan-tuan dan Puan-puan para jemputan,

1. Saya merasa bangga ~~sejak~~ kerana  
dijemput untuk merasmikan pembukaan Pamiran  
Perlindungan Pengguna pada petang ini. Usaha  
ini merupakan satu lagi kegiatan utama Persatuan  
Pengguna Selangor bagi menggalak dan melindungi  
kepentingan pengguna. Saya mendapat tahu,  
pamiran pada tahun ini dianjurkan dengan cara  
yang lebih besar berbanding dengan tahun-tahun  
yang sudah dan mempamirkan lebih banyak  
barang-barang pengguna.

2. Konsep pengguna bagi orang-orang Malaysia amnya, adalah satu idea yang baru. Walaupun begitu, idea tersebut sudah mula mendapat sambutan. Buktinya, dapat dilihat dengan perkembangan Persatuan-Persatuan Pengguna pada tahun lepas. Hasil dari kegiatan mereka telah meluas di seluruh negara. <sup>Kita.</sup> Orang ramai juga sedar tentang perlunya mendapat perlindungan dan bahaya yang ditimbulkan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Di dalam ekonomi yang berkembang, seperti di Malaysia, memberi pimpinan kepada pengguna-pengguna tentang hak dan kewajiban mereka adalah perlu. Lebih mustahak lagi ialah melindungi kepentingan mereka.

3. Di masa-masa yang lepas, kita dapati orang ramai iaitu golongan pengguna di negeri ini kurang berminat terhadap barang-barang keluaran dalam negeri. Tetapi, keadaan sudah berubah. Pengguna-pengguna mula sedar bahawa barang keluaran kilang negara kita bermutu tinggi. Setengah-setengahnya setanding dengan buatan luar negeri. Pameran seperti ini memberi peluang memperkenalkan jenis barang buatan Malaysia dan mengadakan bandingan kepada pengguna-pengguna berkenaan dengan mutu barang-barang buatan kita. Di samping itu, para pekilang juga patut menentukan bahawa harga barang keperluan pengguna, dikekalkan pada kadar yang munasabah.

4. Di dalam ekonomi yang berkembang, sudah tentu ada golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini ingin mendapatkan keuntungan berlebihan dengan cara menjual barang yang kurang mutu dan ada kalanya palsu. Kegiatan seperti ini perlulah dihapuskan dengan tindakan bertegas oleh pengguna dan Kerajaan. Pekilang-pekilang juga patutlah menggunakan peluang sepenuhnya bagi menambahkan kepercayaan pengguna terhadap barang-barang keluaran mereka dengan memberi penerangan supaya pengguna mengenal barang-barang itu dengan mudah. Pekilang-pekilang juga ~~tidak~~ perlu tegas untuk mengambil tindakan terhadap para peniaga yang tidak bertanggungjawab yang menjual barang

yang bermutu rendah yang dianggap sebagai barang sejati. Mereka tidak hanya bergantung kepada Kerajaan untuk menghapuskan amalan tersebut. Oleh sebab itulah Akta Perihal Dagangan 1972 (*Trade*) dikuatkuasakan pada bulan November tahun lalu sebagai menggantikan "Ordinance Merchandise Mark" yang tidak lengkap dan sesuai. Akta ini memberi perlindungan yang lebih kepada pekilang tempatan terhadap sebarang keterangan palsu yang digunakan kepada barang-barang mereka. ~~Saya berharap pekilang-pekilang mengambil faedah sepenuhnya dari peruntukan Akta ini, supaya dapat menghapuskan amalan buruk pedagang yang memeras consumers dengan menggunakan nama baik pengeluar.~~

Bagi pihak Persatuan Pengguna pula, mereka bolehlah menolong melaporkan kejadian amalan buruk ini di semua peringkat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Pada masa ini, negara kita, bahkan semua negara di dunia, mengalami inflasi, atau ~~dalam bahasa yang mudah,~~ menaikkan harga barang. Kenaikan harga ini memberi kesan yang meliputi semua golongan, yang kaya dan miskin, termasuk ~~saya sendiri.~~ Kerajaan sangat sedar bahawa keadaan ini, kalau dibiarkan berlanjutan, akan mendatangkan akibat yang besar kepada kita. ~~Saya sendiri juga sedar akan sungutan orang ramai tentang hal ini.~~

Kesederan ini, sepatutnyalah mendorong kita untuk bertindak dengan lebih tegas, bukan sebagai persaorangan, tetapi sebagai satu gulungan. Samada seseorang itu menjadi ahli Persatuan Pengguna atau tidak, ia <sup>penting</sup> ~~ia~~ tetap menjadi seorang penyokong kepada tindakan ini. Saya percaya pengguna-pengguna tidak lagi mahu diperas dan diperdayakan oleh gulungan peniaga dengan harga barang <sup>mahal</sup> yang diletakkan oleh mereka tanpa dipersoalkan. Mula <sup>sikawan</sup> ~~dari hari~~ ini, saya berharap pengguna-pengguna, dari semua peringkat, akan memikirkan apakah langkah yang sesuai untuk memerangi inflasi ini dan memainkan peranan secara positif.

Tuan dan Puan, 8 -

6. Persatuan Pengguna patutlah menyusun barisan bertindak dan bersama-sama dengan Kerajaan menghadapi masalah ini. Di samping itu, perlu juga saya tegaskan di sini bahawa ada terdapat anggapan dari setengah-setengah golongan yang menyalahkan Kerajaan semata-mata mengenai hal kenaikan harga barang ini. Memang benar Kerajaan bertanggungjawab terhadap kebajikan rakyat, tetapi <sup>meny</sup> dalam hal kenaikan harga ini, Kerajaan sendiri tidak mempunyai <sup>kerjasama semua pihak</sup> kekuatan yang cukup untuk mengatasinya tanpa sokongan semua lapisan rakyat atau consumers.

7. Untuk tujuan mengatasi masalah kenaikan harga, dan mengurangkan bebanan inflasi yang menimpa rakyat ini, saya bercadang

untuk meminda Akta kawalan harga, atau Price Control Act 1946 dalam Sidang Parlimen sekarang, yang akan memberikan kuasa kepada saya, sebagai Menteri untuk bertindak. Salah satu tujuan mengadakan pindaan ini ialah untuk memberi kemudahan kepada <sup>Kerajaan</sup> ~~pengguna~~ mengetahui akan harga barang di semua peringkat. Pada masa ini, pengguna mengetahui harga barang di peringkat runcit <sup>sahaja</sup> dan tidak ada satu jalan bagi pengguna mengetahui harga barang di peringkat borong, <sup>keperluan</sup> ~~tepot~~ atau pengilang. Untuk memastikan supaya peniaga-peniaga di tiap-tiap peringkat itu tidak mengambil keuntungan yang berlebihan, maka maklumat akan diberikan supaya <sup>Suruhan</sup> pengguna dapat panduan.

8. Di bawah pindaan akta tersebut, saya mengesyorkan penubuhan sebuah Majlis Penasihat Pengguna - Consumer Advisory Council untuk melindungi kepentingan pengguna. Di antara tugas Majlis ini ialah untuk menasihatkan Menteri tentang perkara penetapan harga barang (fixing of price), menentukan mana-mana jenis barang yang patut diletakkan tanda harga atau 'price tagging', menentukan jenis barang yang patut disimpan atau 'stockpile' supaya dapat menjamin kestabilan harga dan bekalan, dan <sup>nasihat</sup> segala lain yang berguna untuk panduan Menteri.

9. Selain dari itu, peruntukan kuasa yang dicadangkan itu akan memberi kuasa kepada Menteri menguatkuasakan pemasangan tanda harga

terhadap barang-barang bukan sahaja di peringkat runcit, tetapi juga di peringkat borong, pengeluar atau pengilang, pengimpot serta manufacturers.

10. Di bawah peruntukan ini, Menteri juga berkuasa membuat sebarang peraturan yang diperlukan bagi melaksanakan tujuan-tujuan akta itu, sesuai dengan kepentingan rakyat pengguna.

11. Saya berharap dengan lulusnya pindaan itu kelak, akan dapatlah Kementerian saya serta pegawai-pegawainya bertindak demi kepentingan penggunaannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Dalam pada itu, saya sukalah memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan terus memberi pertolongan dan nasihat kepada pengeluar-pengeluar untuk membolehkan mereka mengatasi masalah mereka. Tetapi, daya usaha hendaklah datang dari pekilang-pekilang itu sendiri. Kementerian saya juga akan terus menyokong kegiatan Persatuan Pengguna bagi melindungi kepentingan pengguna yang sah dan untuk memastikan bahawa pengguna tidak ditipu dengan cara perdagangan yang mengeliru ataupun daripada menaikkan harga yang tidak adil.


13. Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah ~~tegas~~ untuk menghapuskan beban inflasi kepada pengguna. Di samping langkah-langkah yang telah diambil, Persatuan Pengguna, dengan kerjasama pihak pengilang, patutlah menggiatkan lagi usaha menyokong Kerajaan seperti mengadakan kedai-kedai yang menjual barang dengan harga berpatutan atau "fair price shops" di seluruh negara bagi menjual barang keperluan utama. Cara ini dapat memperluaskan lagi saluran pembahagian barang dan mengurangkan masalah bekalan.

14. Berbalik kepada Pamiran ini, saya diberitahu bahawa salah satu bahagian utamanya ialah Pusat Penerangan Dan Nasihat Pengguna;

Saya berharap Pengguna akan mendapat kemudahan dari perkhidmatan yang diberi <sup>oleh</sup> ~~di~~ Pusat ini.

15. Akhir kata, sukalah saya mengucapkan tahnieh kepada Persatuan Pengguna Selangor atas inisiatif mereka. Saya sangat tertarik hati dengan Pamiran ini dan mengucapkan semoga berjaya dan mencapai tujuannya.

16. Dengan harapan dan nasihat itu, saya sukacita Merasatkan Pembukaan Pamiran Perlindungan Pengguna ini.



Substantive Parti, DP Pengguna Selangor  
KPP1 tidak ambil  
menyatakan Berjaya Kluang  
bahagian. stall Meleu di at dan  
Pembinaan ambil  
Kluang



No. Siri	..... 577
No. Penerimaan	..... 87/79